

KESAN PROJEK HIDRO-ELEKTRIK BATANG AI TERHADAP
MASYARAKAT SETEMPAT

PERPUSTAKAAN UiTM SARAWAK
PROJEK PELAJAR

OLEH:
CHENDANG ANAK UMPUR
DONALD ANAK NINGKAN
JAME ANAK BAYA
ROBERT ACHANG ANAK AKAI

Kertas projek Yang Dikemukakan Kepada
Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang
Universiti Teknologi MARA, Kampus Samarahan
Untuk Memenuhi Sebahagian Dari Syarat Untuk
Memperolehi Diploma Pentadbiran Awam

April 2001

KANDUNGAN

Prakata	VI
Penghargaan	VII
Senarai Jadual	VIII
BAB 1 Pengenalan	1
- Rasional Pembinaan Empangan	
- Penyata Masalah	
- Objektif	
- Skop Penyelidikan	
- Hipotesis	
- Andaian	
- Kepentingan Kajian	
- Tinjauan Literature	
- Methodologi	
BAB 2 Latarbelakang Sosio-Budaya Terlibat Dengan Projek Empangan Hidro-Elektrik Batang Ai	9
- Pengenalan	
- Perkampungan Terbabit	
- Komposisi Keluarga	
- Latarbelakang Ketua Keluarga	
- Latarbelakang Sosio-Ekonomi	
- Sikap Terhadap Adat Resam	

PRAKATA

Pembinaan projek yang besar memerlukan pengorbanan dari semua segi. Satu bentuk pengorbanan yang perlu disanjung tinggi ialah apabila terpaksa meninggalkan tempat asal dan ditempatkan di tempat yang asing. Pengorbanan beginilah yang telah ditunjukkan oleh penduduk terlibat dengan pembinaan projek empangan hidro-elektrik Batang Ai. Demi negara dan ertikata pembangunan mereka sanggup menempuh cabaran-cabaran yang mendatang. Untuk merealisasikan wawasan negara sikap begini perlu ada dalam sanubari setiap rakyat yang tidak ingin ketinggalan dalam menyahut cabaran era globalisasi.

BAB 1

PENGENALAN

1.00 RASIONAL PEMBINAAN EMPANGAN

Penggunaan tenaga elektrik yang sentiasa meningkat memerlukan suatu sumber tenaga yang efektif dari segi pengeluaran dan penyelenggaraan. Pengeluaran tenaga dari sumber janakuasa memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi. Oleh itu sumber tenaga elektrik yang dihasilkan melalui empangan air adalah merupakan satu alternatif yang baik dari segi kos.

Menyedari akan kepentingan penjanaan tenaga elektrik melalui empangan air, kerajaan telah meluluskan projek Empangan Hidro-Elektrik Batang Ai di daerah Lubok Antu. Dengan pembinaan empangan tersebut akan dapat memberikan satu sumber tenaga elektrik yang sangat diperlukan oleh negeri ini dalam usaha untuk mencapai matlamat negara maju dan peningkatan sektor perindustrian.

1.01 PENYATA MASALAH

Penduduk yang terlibat dengan program pemindahan untuk memberi laluan kepada projek empangan hidro-elektrik Batang Ai di daerah Lubok Antu telah mengalami perubahan cara hidup yang begitu drastic sekali. Kejutan

BAB 2

LATARBELAKANG SOSIO-BUDAYA PENDUDUK TERLIBAT DENGAN PROJEK EMPANGAN HIDRO-ELEKTRIK BATANG AI

2.00 PENGENALAN

Tinjauan mengenai sosio-budaya dan penduduk di kawasan yang terbabit dengan pembinaan projek hidro-elektrik Batang Ai telah disediakan oleh Sarawak Museum dan ianya terkandung dalam Laporan Jawatankuasa Penggerak (Steering Committee).

2.01 PERKAMPUNGAN TERBABIT

Jadual berikut menunjukkan jumlah rumah panjang yang terbabit:

Zon Merbahaya

Rumah Panjang	Tuai Rumah	Bil. Pintu	Jum. Pend.
1. Sibau Rebah	Geruna ak. Dampa	8	41
2. Kaong Ili	Tampa ak. Munau	27	166
3. Kaong Ulu	Raga	30	222
4. Sg. Ara	Changgai ak. Bakar	25	136
5. Pudai	Manau ak. Embuas	29	189